

# Rektor UNISSA terima kunjungan hormat

**Siaran Akhbar dan Foto :**  
Universiti Islam Sultan Sharif Ali

GADONG, Khamis, 1 Jun. - Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Turki ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Mehmet Suat Akgun membuat kunjungan hormat kepada Rektor Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Dr. Awang Haji Norfarhan bin Haji Zainal.

Menurut Siaran Akhbar UNISSA, kunjungan itu adalah merupakan perjumpaan untuk membincangkan peluang kerjasama akademik antara UNISSA dengan universiti-universiti di Turki.

Dengan adanya perjumpaan tersebut, memudahkan UNISSA untuk terus mengorak ke hadapan dalam membarigakan tawaran kursus-kursus yang ada untuk menarik minat warga Turki mengikuti pengajian di UNISSA.

Di samping itu juga, UNISSA akan

dapat memberikan perkhidmatan kerjasama penyelidikan atau pertukaran pelajar yang bersesuaian dengan bidang pengajian di UNISSA.

Setakat ini, UNISSA telah memeterai penandatanganan Memorandum Persefahaman (MoU) dengan Istanbul Sabahattin Zaim University (IZU), Turki pada 23 Mei 2017 yang lalu.

Dalam perjumpaan berkenaan, TYT memberikan sokongan dan bersedia membantu menjadi penghubung dalam menjalinkan sebarang kolaborasi dengan mana-mana institusi di negara yang terkenal dengan *heritage* tamadun Islam.

Kunjungan hormat ini dihadiri sama oleh Timbalan Rektor UNISSA dan Pengarah Pusat Perhubungan Awam dan Antarabangsa, UNISSA.



REKTOR UNISSA, Dr. Awang Haji Norfarhan bin Haji Zainal (kanan) menerima kunjungan hormat daripada Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Turki ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Mehmet Suat Akgun (kiri).

## Persatuan BASS anjur iftar beramai-ramai

**Siaran Akhbar :**  
Persatuan BASS di Universiti New South Wales, Australia

SYDNEY, NEW SOUTH WALES, Khamis, 1 Jun. - Ahli-ahli Jawatankuasa 2017 / 18 'Bruneians Around Sydney Society' (BASS) dengan bantuan ahli-ahli BASS, berperluang untuk menjadi tuan rumah 'Mass Iftar' bersama masyarakat Islam (ISOC) dari Universiti New South Wales (UNSW), Sydney, Australia, semalam.

Menurut Siaran Akhbar Persatuan BASS di Universiti New South Wales, Australia, iftar beramai-ramai tersebut adalah acara tahunan yang dianjurkan bersama oleh ISOC dan BASS yang bertindak sebagai platform untuk berkongsi budaya keagamaan Negara Brunei Darussalam dengan Persatuan Islam UNSW dan pada masa yang sama, menyumbang kepada pengumpulan dana bagi masjid di kawasan *suburb* Timur Sydney.

Bagi menyokong acara tersebut, pelajar-pelajar Brunei di kawasan Sydney berjaya mengutip sumbangan berjumlah AUD4,500 daripada beberapa penderma.

Sehubungan dengan itu, Jawatankuasa BASS 2017 / 18 ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua yang terlibat, terutamanya kepada penderma-penderma di atas

sumbangan ikhlas mereka yang telah menyumbang kepada kejayaan acara tersebut.

Pelajar-pelajar Brunei telah menjadi tuan rumah kepada 400 pelajar yang terdiri daripada umat Islam tempatan dan antarabangsa yang menjadi ahli kepada UNSW dan ISOC.

Tetamu-tetamu yang hadir berpuas hati dengan juadah yang dihidangkan pada acara berbuka puasa beramai-ramai tersebut yang diadakan selepas Sembahyang Maghrib Berjemaah dan diimamkan oleh Pegawai Agama semasa jawatankuasa BASS, Awang Muhammad Syazwan bin Sahdun.

Pengurusan iftar beramai-ramai tersebut bukan saja mengingkatkan pelajar-pelajar Brunei untuk berkerjasama dan membantu antara satu sama lain, ia juga bertindak sebagai peringatan bahawa apa-apa tujuan kebajikan kepada masyarakat adalah komitmen bersama terutamanya di bulan Ramadan.

Namun yang paling penting, acara keagamaan tersebut membantu untuk mengukuhkan hubungan rapat BASS dengan ISOC dan akan membuka lebih banyak peluang kerjasama di antara mereka pada masa akan datang.

## MWNBD meneruskan Majlis Tadarus



MAJLIS Tadarus bagi Ahli-Ahli Majlis Wanita Negara Brunei Darussalam (MWNBD) disertai oleh ahli-ahli daripada 13 buah persatuan yang bergabung di bawah MWNBD.

**Berita dan Foto :**  
Hernie Suliana Haji Othman

SUNGAI HANCHING, Jumaat, 2 Jun. - Majlis Tadarus bagi Ahli-Ahli Majlis Wanita Negara Brunei Darussalam (MWNBD) kali ini diadakan di rumah kediaman Timbalan Yang Di-Pertua Pertubuhan Perkumpulan Wanita (WI), Datin Hajah Mariam binti Abdullah di Kampung Sungai Hanching, di sini.

Ia merupakan giliran WI untuk mengendalikan Tadarus untuk persatuan tersebut.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah beramai-ramai dan

diteruskan dengan bacaan Al-Quran dari Juzuk 3, 4 dan 5.

Majlis diakhiri dengan bacaan Surah Yaa Siin, Tahlil dan bacaan Doa Allah Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam yang dipimpin oleh Pengiran Hajah Rakiah binti Pengiran Haji Abu Bakar dari Persatuan Guru-Guru Melayu Brunei (PGGMB).

Seramai 80 ahli daripada 13 buah persatuan yang bergabung dengan MWNBD menghadiri majlis tersebut yang terdiri dari Persatuan PERTIWI,

WI, PGGMB, BISTARI, Persatuan Pandu Puteri, Persatuan Kebajikan Perempuan (PKP) Belait, BAKTI, Persatuan Siswazah Wanita, PERGANITA, BAKANITA, PERBEKAL, PEWAJA dan Persatuan Nurul Islam.

Turut hadir, Wakil-Wakil Tetap dari persatuan-persatuan yang bergabung dengan MWNBD serta ahli-ahlinya.

Majlis Tadarus tersebut merupakan acara tahunan bagi menyemarakkan lagi bulan Ramadan, di samping untuk mendekatkan diri dengan Al-Quran dan meningkatkan hubungan silaturahim sesama ahli-ahli persatuan.

## Hidup lebih mudah dengan My TelBru

**Siaran Akhbar dan Foto :**  
TelBru

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 2 Jun. - Pelanggan yang prihatin terhadap alam sekitar akan berusaha ke arah melakukan lebih banyak usaha untuk menyelamatkannya. Inisiatif Telekom Brunei Berhad (TelBru) Go Green digabung menjadi satu ke dalam My TelBru mudah alih dan aplikasi laman sesawang yang memudahkan transaksi mesra pelanggan, pertanyaan dan naik taraf boleh diakses bila-bila masa, di mana sahaja.

Sejak dilancarkan pada tahun 2015, permohonan My TelBru telah berkembang bagi memenuhi keperluan masyarakat Brunei yang sibuk sebagai sebahagian daripada inisiatif TelBru dalam menyediakan keperluan lebih baik

kepada pelanggannya yang merangkumi aspek hari ke hari perkhidmatan syarikat.

Ianya, antara lain, termasuk ciri My TelBru yang paling banyak digunakan seperti pembayaran bil yang menyediakan pengesahan masa sebenar transaksi, melihat bil, tambah nilai data, serta Direktori Telefon yang hanya beberapa saat sahaja diperlukan untuk akses melalui rangkaian yang dijamin selamat.

Mengurangkan keperluan untuk datang ke mana-mana 10 cawangan My TelBru di seluruh negara, ciri-ciri dalam talian ini telah menyediakan kecekapan yang lebih baik, menjimatkan masa dan sumber tanpa perlu berbaris. Ciri-ciri lain yang boleh diakses dan

mudah untuk digunakan antara lain penggunaan data dan sejarah jalur lebar, menaik taraf pelan jalur lebar segera, penggunaan ringkas, Pelan Wizard TelBru, status tracker, lokasi bagi cawangan TelBru dan TelBru WiFi.

Aplikasi mudah alih My TelBru boleh dimuat turun melalui Android dan IOS pengguna, manakala ciri laman web yang boleh diakses melalui mana-mana pelayar sesawang dengan pendaftaran percuma. Untuk maklumat lanjut, sila hubungi pusat Penjagaan Pelanggan TelBru di 111, atau kunjungi mana-mana platform media sosial.

APLIKASI My TelBru memudahkan transaksi mesra pelanggan, pertanyaan dan naik taraf boleh diakses bila-bila masa dan di mana sahaja.

